



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS** : USUL FIQH  
**KOD KURSUS** : DPI2103  
**PEPERIKSAAN** : APRIL 2019  
**MASA** : 2 JAM 30 MINIT

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)  
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 11 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab SEMUA dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Manakah antara berikut **bukan** merupakan faedah mempelajari ilmu Usul Fiqh?

- A Mengetahui asas-asas hukum syarak dan hikmahnya.
- B Mengeluarkan hukum baharu yang sentiasa berubah.
- C Mengetahui cara ulama dan mujtahid mengeluarkan hukum.
- D Mampu menetapkan hukum sendiri bagi setiap masalah yang berlaku.

2. Kaedah Usul Fiqh dibuat berdasarkan hukum-hukum yang telah diputuskan oleh imam-imam mazhab mereka.

**Pernyataan 1**

Apakah kaedah Usul Fiqh yang berkait dengan pernyataan 1 di atas?

- A al-Ahnaf
- B al-Hanafi
- C al-Mutaakhirin
- D al-Mutakallimin

3. Bilakah ilmu Usul Fiqh yang merupakan salah satu daripada cabang ilmu pengetahuan Islam muncul?

- A Awal kurun pertama hijrah
- B Akhir kurun pertama hijrah
- C Awal kurun kedua hijrah
- D Akhir kurun kedua hijrah

4. Apakah kitab pertama yang disusun dalam ilmu Usul Fiqh?

- A Al-Am
- B Al-Wata'
- C Ar-Risalah
- D Feqah al-Akbar

5. Pembahagian pusaka tidak diberikan jika terdapat perbezaan agama antara orang yang menawarkan harta dengan ahli waris.

Pernyataan 2

Apakah bahagian hukum wad'i yang berkait dengan pernyataan 2 di atas?

- A Sebab
- B Mani'
- C Syarat
- D Fasad

6. Terjemahan firman Allah SWT :

'Sesiapa dari antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa bulan itu'

(surah al-Baqarah ayat 185)

Apakah hukum wad'i yang terdapat dalam terjemahan ayat di atas?

- A Sebab
- B Mani'
- C Syarat
- D Fasad

7. Wajib yang dibebankan kepada kumpulan tertentu.

Pernyataan 3

Bahagian wajib apakah yang berkait dengan pernyataan 3 di atas?

- A Wajib Murattab
- B Wajib Mutlaq
- C Wajib Kifayah
- D Wajib Muayyan

8. Manakah antara berikut adalah nama-nama lain bagi al-Quran?

- i. *Al-Zikr*
- ii. *Al-Kitab*
- iii. *Al-Tanzil*
- iv. *Al-Mubin*

A i,ii

B i,iii

C ii,iv

D i,ii,iii

9. Manakah antara berikut bukan hukum yang terdapat dalam al-Quran?

- A Hukum Iqtiqad
- B Hukum Amali
- C Hukum Akhlak
- D Hukum Jenayah

10. Rasulullah SAW melakukan solat dihadapan para sahabat.

#### Pernyataan 4

Apakah bahagian sunnah yang berkaitan berdasarkan pernyataan 4 di atas?

- A Sunnah *Sifatiah*
- B Sunnah *Fi'liyyah*
- C Sunnah *Qauliyyah*
- D Sunnah *Taqririyah*

11. Manakah antara berikut merupakan perbuatan Sunnah?

- A Bersugi sebelum solat.
- B Perniagaan berunsur riba.
- C Berburu binatang selepas bertahallul.
- D Melakukan solat fardhu lima waktu.

12. Persepakatan yang berlaku secara jelas dikalangan semua mujtahid sama ada melalui kata-kata maupun perbuatan.

Pernyataan 5

Ijmak manakah yang berkait dengan pernyataan 5 di atas?

- A Ijmak Sorih
- B Ijmak Ulama
- C Ijmak Sukuti
- D Ijmak Ahlul Bait

13. Manakah antara berikut **bukan** rukun Qiyyas?

- A *al-Aslu*
- B *al-Far'u*
- C *al-Ilah*
- D *as-Shaz*

14. Manakah antara berikut **bukan** jenis-jenis Qiyyas?

- A Qiyyas Aula
- B Qiyyas Adna
- C Qiyyas Musawi
- D Qiyyas Munqathi'

15. Badan wanita itu aurat, kerana memandangnya membawa fitnah. Namun diharuskan melihat sebahagian anggota tertentu kerana keperluan seperti pemeriksaan doktor.

Pernyataan 6

Istihsan manakah yang berkait dengan pernyataan 6 di atas?

- A Istihsan dengan nas
- B Istihsan dengan ijmak
- C Istihsan dengan uruf
- D Isithsan dengan darurat

16. Antara berikut, yang manakah tidak benar mengenai Istihsan?

- A Ia dikenali dengan nama *Qiyas Khafiy*.
- B Hukum yang diketahui melalui Istihsan bersifat qat'i.
- C Boleh membaca al-Quran dalam keadaan berhaid adalah bersandarkan Istihsan.
- D Sesuatu hukum yang diperolehi melalui Istihsan akan bertentangan dengan hukum yang diperolehi melalui *Qiyas Jali*.

17. Manakah antara berikut merupakan perkara maslahah yang tidak diiktibar syarak?

- i. Menjaga agama, jiwa, keturunan, harta dan akal.
  - ii. Pembahagian pusaka sama rata antara anak lelaki dan perempuan.
  - iii. Memakai pakaian bersih dan kemas ke masjid.
  - iv. Bermuamalah dengan mengambil tambahan harta cara riba.
- A i,ii
  - B i,iii
  - C ii,iv
  - D i,ii,iii

18. Siapakah ulama yang menerima *Masalih Mursalah* sebagai dalil hukum?

- A Imam Syafi'e dan Imam Hanafi
- B Imam Malik dan Imam Ahmad
- C Imam Nawawi dan Imam Ahmad
- D Imam Ahmad dan Imam Hanafi

19.

Uruf berbentuk lafaz yang mudah difahami serta menjadi kebiasaan di kalangan orang ramai untuk menunjukkan makna tertentu.

Pernyataan 7

Uruf apakah yang berkait dengan pernyataan 7 di atas?

- A Uruf Am
- B Uruf Khas
- C Uruf Perbuatan
- D Uruf Perkataan

20. Manakah antara berikut **bukan** adat yang menjadi kebiasaan masyarakat Malaysia pada masa kini?

- A Jual beli secara online.
- B Jual beli secara ansuran.
- C Membuka kasut apabila memasuki rumah.
- D Mengurangkan sukatan timbangan dalam jual beli.

[20 MARKAH]



**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Ilmu Usul Fiqh merupakan sebahagian daripada ilmu syarak yang terkenal. Ia meletakkan garis panduan yang tepat bagi seorang mujtahid untuk menetapkan sesuatu hukum.

- a. Huraikan apa yang anda faham tentang Usul Fiqh.

(4 Markah)

- b. Jelaskan **tiga(3)** faktor perkembangan dan penyusunan Usul Fiqh

(6 Markah)

**SOALAN 2**

Penetapan hukum syarak bertujuan supaya manusia dapat menjalani kehidupan yang harmoni dan mentadbir muka bumi ini dengan mendapat keredhaan Allah SWT.

- a. Jelaskan **tiga(3)** bahagian hukum Wad'i beserta contoh hukum setiap daripadanya

(6 markah)

- b. Nyatakan bahagian hukum syarak yang berikut :

- i. Qada puasa Ramadhan yang ditinggalkan kerana uzur syarak.
- ii. Menjauhi perkara-perkara yang haram seperti minum arak dan berzina.
- iii. Berpuasa pada setiap hari Isnin dan Khamis.
- iv. Menjual di atas jualan orang lain.

(4 markah)

**SOALAN 3**

Al-Quran merupakan wahyu Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW, menjadi panduan dan petunjuk kepada umat manusia. Ianya bersifat *syumul* dan pelengkap kepada kehidupan manusia.

- a. Huraikan pengertian al-Quran secara terperinci  
(4 markah)
- b. Hukum amali merupakan bahagian hukum yang terdapat dalam al-Quran.  
Jelaskan **tiga(3)** bahagian hukum amali.  
(6 markah)

**SOALAN 4**

Sunnah memainkan peranan yang penting sebagai sumber ajaran Islam khususnya dalam usaha memperincikan, memperkuat, menjelaskan dan mempermudahkan pemahaman al-Qur'an.

- a. Jelaskan **dua(2)** fungsi sunnah yang telah anda pelajari  
(4 Markah)
- b. Huraikan pengertian berikut berserta contoh :
  - i. Sunnah *Fi'llyyah*
  - ii. Sunnah *Taqririyah*
  - iii. Sunnah *Qauliyah*  
(6 markah)

**SOALAN 5**

Kedudukan Ijma' dalam Usul Fiqh sebagai salah satu sumber dalil syarak adalah disepakati oleh para ulama.

- a. Jelaskan apa yang anda faham tentang pengertian Ijmak?  
(4 markah)
- b. Huraikan **tiga(3)** kumpulan Ijmak yang telah anda pelajari  
(6 markah)

**SOALAN 6**

*Maslahah Mursalah* adalah salah satu cabang daripada sumber hukum yang berperanan untuk memelihara maslahah ummah dengan cara menolak segala perkara yang boleh mendatangkan mudarat dan menerima segala perkara yang mendatangkan manfaat.

- a. Huraikan pembahagian *Masalih Mursalah* dari segi kekuatan zat.

(4 markah)

- b. Jelaskan **tiga(3)** syarat menggunakan *Masalih Mursalah* sebagai sumber hukum.

(6 markah)

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **DUA(2)** soalan, jawab **SATU(1)** soalan sahaja.

Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Hukum syarak dan undang-undang yang ditetapkan oleh Allah SWT itu lengkap dengan meliputi akhlak, ibadat, muamalah, politik dan sosial. Hal tersebut kerana Allah SWT yang mencipta manusia dan amat mengetahui keperluan mereka.

Huraikan **empat(4)** kepentingan hukum syarak kepada kehidupan manusia

(20 markah)

**SOALAN 2**

Ilmu Usul Fiqh telah mengalami beberapa peringkat dalam perkembangannya sehingga ilmu ini berjaya disusun dan dibukukan menjadi satu ilmu yang penting bagi ulama dalam mengistinbat hukum

Huraikan **empat(4)** peringkat sejarah perkembangan ilmu Usul Fiqh dari Zaman Nabi SAW sehingga pembukuannya pada zaman Imam Syafi'i

(20 markah)

**[20 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**

C

C

O

O